

Gerakan Mahu SPR Daftar Semula Pemilih Ikut Alamat Semasa Sebelum PRU Ke-14
Bernama
20 Julai, 2013

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Gerakan mahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mendaftar semula pengundi mengikut alamat kediaman masing-masing.

Pemangku Presidennya, Datuk Chang Ko Youn berkata langkah itu boleh mengelak kesesakan lalu lintas ketika pengundi pulang ke kampung halaman mereka untuk mengundi semasa pilihan raya.

"Mengapa mengundi di Teluk Intan atau Bagan Datoh di Perak apabila alamat pengundi di Kuala Lumpur?, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti itu di ibu negara, Sabtu.

Senario ini adalah tidak sihat dan mewujudkan keadaan yang amat tidak adil kepada pengundi setempat kerana pengundi luar tidak memahami isu-isu politik tempatan dan mengundi mengikut perasaan yang dipengaruhi oleh apa yang mereka baca dalam Internet, katanya.

"Semua orang ini hanya kembali sekali dalam tempoh lima tahun untuk mengundi dan tidak mengetahui perkembangan di kawasan mereka. Selepas mengundi mereka pulang ke rumah mereka di tempat lain dan membiarkan penduduk setempat menghadapi semula semua masalah yang ada," katanya.

Beliau berkata dengan mengadakan proses pendaftaran semula pengundi maka isu pengundi hantu dapat dibanteras.

Chang juga membangkitkan isu dakwat kekal yang didakwa adalah kaedah sangat primitif yang hanya diguna pakai di negara Afrika kerana kerajaan negara dunia ketiga itu tidak mempunyai sistem yang baik untuk mendaftar rakyatnya sebagai pengundi.

Menurutnya, Malaysia mempunyai sistem data yang baik di mana semua warga negara didaftar dengan JPN dan mengesyorkan kaedah terbaik ialah penggunaan sistem biometrik dengan kaedah cap ibu jari sahaja.

Katanya, penggunaan dakwat kekal telah menimbulkan pelbagai persoalan dan aduan khususnya oleh pihak pembangkang dan penggunaan sistem biometrik akan menyelesaikan pelbagai isu berkaitan.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada kemungkinan Gerakan bergabung dengan MCA dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) bagi membentuk sebuah parti tunggal sebelum Pilihan Raya Umum ke-14, beliau berkata ia adalah idea lama yang dibangkitkan oleh MCA 30 tahun lepas.

Beliau berkata keadaan politik semasa mungkin membuka jalan ke arah penggabungan tetapi isu-isu seperti perlembagaan parti masing-masing perlu diselesaikan terlebih dahulu.

"Gerakan adalah sebuah parti berbilang kaum tetapi beberapa parti komponen Barisan

Nasional seperti MCA perlu meminda perlembagaan parti mereka kerana ia hanya untuk orang Cina sahaja," katanya.

Bagaimanapun, Chang mengakui bahawa secara tidak rasmi ada percakapan dalam kalangan ahli parti itu tentang penggabungan tetapi masih belum dibincangkan dalam kalangan pemimpin.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964915>